

ZANAFLOX EYE DROPS 0.5% W/V

Moxifloxacin 0.5% w/v (sebagai Moxifloxacin Hydrochloride)

Setiap ml mangandungi 5mg Moxifloxacin (sebagai 5.45mg Moxifloxacin HCl)

Apakah yang ada pada risalah ini?

1. Apakah kegunaan Zanaflox
2. Bagaimana Zanaflox berfungsi
3. Sebelum menggunakan Zanaflox
4. Cara menggunakan Zanaflox
5. Semasa menggunakan Zanaflox
6. Kesan-kesan sampingan
7. Cara penyimpanan dan pelupusan Zanaflox
8. Maklumat lanjut
9. Pengilang dan Pemegang Pendaftaran Produk
10. Tarikh kemaskini RiMUP
11. Nombor siri

Apakah kegunaan Zanaflox

Ia digunakan untuk merawat keradangan konjunktiva (selaput nipis yang meliputi bahagian dalam kelopak mata dan kawasan putih bebola mata) yang disebabkan oleh mikroorganisma bagi pesakit berumur 1 tahun dan ke atas.

Bagaimana Zanaflox berfungsi

Moxifloxacin adalah bactericidal yang menghalang pembiakan bakteria.

Sebelum menggunakan Zanaflox

Bila tidak boleh menggunakan

Jangan gunakan Zanaflox jika anda:

- alah (hipersensitif) terhadap quinolones termasuk moxifloxacin atau bahan lain yang terkandung dalam ubat ini.
- akan memandu atau mengendalikan mesin. Jangan memandu atau mengendalikan mesin jika penglihatan anda masih tidak jelas selepas guna.

Sebelum mula menggunakan

Sila beritahu doktor atau ahli farmasi sebelum menggunakan Zanaflox jika anda:

- mengambil quinolones.
- mempunyai sejarah *myasthenia gravis* (keadaan yang menyebabkan kelemahan yang tidak normal pada otot tertentu).
- mempunyai jangkitan kulat atau virus.
- menggunakan ubat mata lain.
- memakai kanta lekap.
- hamil atau merancang untuk hamil.
- sedang menyusukan anak atau merancang untuk menyusukan.

Jika mengambil ubat-ubat lain

Sila beritahu doktor atau ahli farmasi jika anda sedang atau kebelakangan ini mengambil ubat lain termasuk ubat titis atau ubat salap atau sebarang ubat tanpa preskripsi.

Cara menggunakan Zanaflox

Berapa banyak harus digunakan

Titis 1 titk pada mata yang berjangkit, 3 kali sehari selama 7 hari.

Tidak dibenarkan untuk kanak-kanak berumur di bawah satu tahun.

Bila perlu digunakan

Ikut preskripsi doktor atau ahli farmasi anda.

Berapa lama perlu digunakan

Berdasarkan preskripsi doktor atau ahli farmasi. Rujuk kepada doktor atau ahli farmasi sebelum menggunakan ubat ini untuk tempoh masa yang lebih panjang.

Jika terlupa menggunakannya

Guna secepat mungkin sebaik sahaja anda teringat. Ambil dos seterusnya mengikut masa yang telah ditetapkan.

Jika mengambil berlebihan (terlebih dos)

Cuci mata anda atau dapatkan rawatan perubatan dengan segera jika anda terguna secara berlebihan atau bimbang dengan keadaan yang dialami.

Semasa menggunakan Zanaflox

Perkara yang perlu dilakukan

- Sentiasa cuci tangan sebelum menggunakan ubat.
- Tanggalkan kanta lekap sebelum menggunakan ubat ini.
- Tutup penutup botol dengan segera selepas setiap penggunaan.
- Amalkan penggunaan ubat pada waktu yang sama setiap hari.

Perkara yang tidak boleh dilakukan

- Ubat ini tidak boleh dimakan.
- Jangan guna kanta lekap sebaik sahaja menggunakan ubat ini. Kanta lekap boleh digunakan sekurang-kurangnya 20 minit kemudian.
- Jangan sentuh muncung bekas pada sebarang permukaan untuk mengelakkan pencemaran.
- Jangan gunakan ubat ini selepas 4 minggu dibuka.
- Jangan guna jika ubat berubah menjadi keruh.

Jangan ambil ubat ini tanpa preskripsi doktor atau ahli farmasi.

Perkara yang perlu diberi perhatian

Sila beritahu doktor atau ahli farmasi jika anda:

- alah terhadap moxifloxacin atau bahan lain yang terkandung dalam ubat ini.
- hamil atau menyusukan anak.
- mengalami perubahan pada penglihatan.

- Rasa tidak selesa selepas menggunakan ubat ini atau keadaan bertambah teruk.
- mengalami sebarang jangkitan.
- mengalami kesakitan dan keradangan sendi.

Kesan-kesan sampingan

- Mata rasa lecur atau tidak selesa,
- Gangguan kornea (selaput lutsinar pada bahagian depan mata).
- Sakit kepala.
- Sakit pada mata (*ocular pain*)
- Gatal pada mata (*ocular Pruritus*)
- Mata merah (*ocular hyperemia*)
- Sakit kerongkong (*pharyngitis*)
- Pendarahan di bawah selaput mata (*subconjunctival haemorrhage*).

Dapatkan rawatan perubatan dengan segera jika anda mengalami sebarang kesan sampingan atau masalah alahan.

Anda boleh melaporkan sebarang kesan sampingan atau kesan advers ubat kepada Pusat Pemantauan Kesan Advers Ubat Kebangsaan melalui laman web npra.gov.my

[Consumers → Reporting Side Effects to Medicines (ConSERF) or Vaccines (AEFI)]

Cara penyimpanan dan pelupusan Zanaflox

Penyimpanan

Simpan di bawah 30°C. Jangan guna selepas 4 minggu dibuka.

Jangan simpan di tempat beku.

Jauhi dari kanak-kanak.

Pelupusan

Ubat-ubatan tidak harus dilupuskan melalui air buangan atau sisa isi rumah. Sila rujuk kepada ahli farmasi anda mengenai cara yang betul untuk melupuskan ubat yang tidak diperlukan lagi. Langkah-langkah ini mampu melindungi alam sekitar.

Maklumat lanjut

Rupa dan warna produk

Larutan oftalmik akueus yang jernih, kuning dan steril.

Bahan-bahan kandungan

Bahan aktif

Moxifloxacin Hydrochloride

Bahan tidak aktif

Sodium Chloride, Boric Acid, Sodium Hydroxide, Purified Water

ZANAFLOX EYE DROPS 0.5% W/V

Moxifloxacin 0.5% w/v (sebagai Moxifloxacin Hydrochloride)

Setiap ml mengandungi 5mg Moxifloxacin (sebagai 5.45mg Moxifloxacin HCl)

Nombor MAL

MAL16015011AZ

Pengilang dan Pemegang Pendaftaran

Produk

Xepa-Soul Pattinson (Malaysia) Sdn Bhd

1-5 Cheng Industrial Estate,

75250 Melaka, Malaysia.

Tarikh kemaskini RiMUP

10 Januari 2024

Nombor siri

NPRA(R2/1)231017/1159